

04 JUL 1997

Kartun-Internet

JANGAN PERBESAR ISU `KARTUN DALAM INTERNET' UNTUK ELAK TARIKAN

Oleh: Wan Nurliza

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Beberapa pihak hari ini menyatakan kekesalan dengan 22 siri kartun yang mudah diakses dalam Internet yang mengandungi maklumat yang dipercayai boleh menimbulkan kekeliruan dan memesongkan akidah umat Islam khususnya remaja.

Namun ada yang meminta perkara itu tidak terlalu diperbesarkan bagi mengelakkan tarikan dan tumpuan pengguna Internet untuk mengetahui mengenainya dengan lebih lanjut.

Walaupun cerita kartun yang bertajuk "Allah Had No Son" itu khusus kepada penganut-penganut agama Kristian namun, rata-rata pihak yang merujuk laporan sebuah akhbar tempatan semalam, tetap menyatakan kebimbangan masing-masing mengenai muslihat disebalik penyiarannya secara meluas ke seluruh dunia.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Sulaiman Endut ketika dihubungi Bernama berkata: "Saya kesal kerana perkara ini timbul sedangkan fungsi asal Internet ialah untuk menyebarkan informasi yang berfaedah. Menggunakannya tidak di larang tetapi apa yang diterima melaluinya perlu di tapis agar tidak menimbulkan penyelewengan dalam Islam."

Menurut Sulaiman, seperti juga penyebaran maklumat dan gambar-gambar lucu melalui Internet, pihaknya hanya mampu mengambil tindakan keatas pihak-pihak yang bertanggungjawab setakat dalam bidang kuasa JAWI.

"Sekiranya ada pihak yang mengambil kesempatan untuk mencetak dan mengedarkannya pula kepada orang ramai, pihak berkuasa tempatan perlu ambil tindakan dengan segera dan tidak boleh dipandang ringan kerana ia dianggap menghina dan mempermainkan Islam," kata beliau.

Antara dialog kartun yang dipaparkan menyebut "Nabi Isa anak Allah" dikhuatiri mampu mengelirukan dan memesongkan akidah remaja-remaja dan golongan yang cetek pengetahuan agama.

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islam Malaysia Datuk Dusuki Ahmad turut menyatakan kekesalan beliau dengan perkembangan itu dan berharap ianya tidak terlalu digembar-gemburkan bagi mengelakkan tarikan pengguna Internet.

"Kalau makin kita besar-besarkan perkara ini, makin ramai yang berkumpul depan komputer nak tengok kartun itu, yang tak tahu jadi tahu, ini patut dielakkan," kata beliau.

Bagaimanapun beliau menegaskan, perlu diwujudkan satu jawatankuasa global untuk menangani perkara seperti itu dan Malaysia perlu menjadi salah satu negara yang menegaskan kepada dunia tentang perkara ini, kerana katanya, ".yang mencipta program-program sedemikian bukan orang kita, selalunya melibatkan pihak-pihak yang di luar bidang kuasa kita ."

"Kita sulit untuk payungi ruang udara negara kerana setiap maklumat dan informasi yang masuk tidak mampu di kawal sepenuhnya. Dan sekiranya ada pula orang kita yang ambil kesempatan mencetak dan mengedar, Majlis Agama Islam dan Kementerian Dalam Negeri perlu ambil tindakan segera dan awasi perkara seperti ini."

Sementara itu, Naib Presiden Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS) Mohd Rafee Yusof pula memberi nasihat kepada ibu bapa agar mendapatkan perisian yang boleh menyekat penyaluran maklumat sedemikian dari sampai kepada anak-anak mereka.

"Perisian seperti "Nanny" dan beberapa perisian lain memang disediakan

bagi menyekat maklumat yang di tidak diingini, dan ibu bapa juga perlu sentiasa mengemaskini website anak-anak mereka bagi menyekat maklumat yang menyeleweng," kata Rafee.

Katanya, MIMOS tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang didapati mengambil kesempatan daripada teknologi itu walaupun dalam sesetengah keadaan sumber boleh dikenal pasti.

Beliau turut menasihati pengguna Internet agar memilih maklumat yang berfaedah.

Malah sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pernah menasihatkan orang ramai agar menerima hakikat bahawa maklumat melalui Internet sukar di kawal dan mereka perlu bijak memanfaatkan teknologi itu dengan memperkuatkan benteng pertahanan diri masing-masing, katanya.

Di Malaysia pelanggan Internet setakat ini berjumlah 80,927 orang, seramai 55,472 orang melanggan Jaring dan 25,455 melanggan TMNet. Jumlah itu dijangka meningkat dari masa ke semasa. -- BERNAMA

WNZ WAT